

LAMPIRAN B

GARIS PANDUAN PEMBAHARUAN LESEN UNTUK MENJALANKAN URUSAN AGENS PERSENDIRIAN UNTUK TAHUN 2017

1. **Setiap syarikat perlu mengemaskini dan menghantar maklumat-maklumat pembaharuan lesen syarikat bagi tahun 2017 secara online** melalui sistem *Electronic Security Industry Management System (eSIMS)* di pautan (<http://www.esims.moha.gov.my/>) dan dikemukakan pengesahan online bersama permohonan pembaharuan lesen.
2. Setiap permohonan pembaharuan juga hendaklah disertakan dengan **surat permohonan (cover letter)** daripada syarikat.
3. Maklumat-maklumat yang **terkini** hendaklah diisi mengikut format yang ditetapkan seperti di Lampiran (Borang E, Borang F, Borang G, Borang H, Maklumat Cawangan Syarikat dan Maklumat Kontrak/Tender).
4. Syarikat yang telah menjelaskan bayaran KWSP, PERKESO, LHDN, KASTAM dan PSMB hendaklah **mengemukakan resit rasmi dan penyata bayaran bagi tempoh Januari – Oktober 2016. Resit rasmi dan penyata bayaran yang dikemukakan mestilah jelas, terang dan mempunyai cop rasmi pihak berkenaan.**
5. Syarikat yang masih belum menjelaskan bayaran KWSP, PERKESO, LHDN, KASTAM dan PSMB, **hendaklah mengemukakan surat penjelasan atau surat pendaftaran atau surat setuju bayaran tunggakan / ansuran daripada pihak berkenaan.**
6. Pemohon hendaklah mengemukakan Polisi Insuran mengikut kategori lesen yang hendak diperbaharui seperti berikut:
 - 6.1 Lesen 2(a) :
 - i) Professional Indemnity Insurance
 - ii) Public Liability Insurance
 - iii) Group Personal Accident Insurance
 - 6.2 Lesen 2(b) :
 - i) Professional Indemnity Insurance
 - ii) Group Personal Accident Insurance
 - 6.3 Lesen 2(a) & 2(b):
 - i) Professional Indemnity Insurance
 - ii) Public Liability Insurance
 - iii) Group Personal Accident Insurance

7. **Syarikat bagi lesen 2 (a) wajib memenuhi jumlah kuota pengawal keselamatan tempatan yang telah mengikuti latihan CSG pada tahun 2016 seperti berikut dan mendaftarkan pengawal-pengawal yang telah mengikuti Program Latihan CSG diruang catatan CSG di dalam Borang F (Maklumat Pengawal Keselamatan Tempatan):**

<u>Jumlah Pengawal Keselamatan Tempatan yang Dimiliki oleh Syarikat</u>	<u>Kuota Latihan CSG 2016</u>
100 pengawal dan ke atas	Minimum 40%
Kurang daripada 100 pengawal	Minimum 40 orang

8. Dokumen permohonan pembaharuan lesen yang telah lengkap dalam bentuk *hardcopy* dan juga dalam bentuk digital / *scan document* yang di muatnaik dalam *pendrive* hendaklah dikemukakan dalam tempoh 15 September sehingga 31 Disember 2016. Permohonan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan diproses dan lesen tidak diperbaharui.
9. Dokumen permohonan pembaharuan lesen yang telah lengkap dalam bentuk *hardcopy* hendaklah dibukukan (*binding*) dan disusun serta dilabel berdasarkan senarai semak.
10. Sila kembalikan senarai semak permohonan pembaharuan lesen tahun 2017 yang telah ditandatangani oleh pengarah syarikat.